

## **BAB 5**

### **PENUTUP**

#### **5.1 RUMUSAN**

Rumusan ini dibuat berdasarkan kepada empat aspek utama yang merujuk kepada objektif kajian yang telah dikemukakan dalam Bab 1 pada awal kajian. **Pertama;** mengenal pasti metodologi penulisan Syeikh Daud bin ‘Abdullah al-Faṭani dalam fiqh ‘ibadah berdasarkan kitab *Furū‘ al-Masā’il*. **Kedua;** menganalisis kandungan kitab *Furū‘ al-Masā’il* dalam fiqh ‘ibadah. **Ketiga;** mengenal pasti kaedah penyelesaian masalah dalam fiqh ‘ibadah yang diaplikasi oleh Syeikh Daud bin ‘Abdullah al-Faṭani menerusi kitab *Furū‘ al-Masā’il*. **Keempat;** menganalisis aliran pemikiran hukum Syeikh Daud bin ‘Abdullah al-Faṭani dalam fiqh ‘ibadah melalui kitab *Furū‘ al-Masā’il*

Pada akhir bab ini pula, pengkaji mengemukakan kesimpulan dan beberapa cadangan terhadap keseluruhan kajian yang telah dilaksanakan.

##### **5.1.1 Mengenal pasti metodologi penulisan Syeikh Daud bin ‘Abdullah al-Faṭani dalam fiqh ‘ibadah berdasarkan kitab *Furū‘ al-Masā’il***

Pengkaji merumuskan bahawa kitab *Furū‘ al-Masā’il* terdiri daripada dua jilid. Jilid pertama mengandungi Kata Pengantar dari penulis kitab yang terdiri daripada 2 halaman, perbincangan mengenai Usuluddin yang terdiri daripada 13 halaman dan perbincangan mengenai fiqh ‘ibadah yang terdiri daripada 259 halaman. Jilid kedua pula mengandungi perbincangan mengenai fiqh muamalah yang mengandungi 389 halaman. Kitab *Furū‘ al-Masā’il* ini dikategorikan sebagai kitab fiqh kerana perbincangan mengenai fiqh meliputi 98 peratus daripada keseluruhan kandungan kitab ini.

Kitab *Furū' al-Masā'il* ini yang ditulis pada tahun 1257H/ 1841M ini, mempunyai susunan tajuk yang sistematik. Hal ini kerana kitab ini mempunyai tajuk utama yang ditulis sebagai '*Kitāb*', sub-tajuk yang ditulis sebagai '*Bāb*' dan pecahan kepada sub-tajuk ditulis sebagai '*Faṣl*'. Pengkaji mendapati sistem penulisan kitab ini mempunyai persamaan dengan kitab-kitab rujukan utama fiqh mazhab Syafii pada zaman taklid.

Skop perbincangan fiqh dalam kitab ini dapat dibahagikan kepada fiqh 'ibadah dan fiqh muamalah. Fiqh 'ibadah dibincangkan dalam Jilid 1. Manakala fiqh muamalah dibahaskan dalam Jilid 2.

Sumber rujukan yang dinyatakan oleh Syeikh Daud dalam Kata Pengantar kitab *Furū' al-Masā'il* ini ialah kitab *al-Fatāwā* karya al-Shaykh Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad Bin Ḥamzah al-Ramlī dan kitab *Kashf al-Lithām 'an As'ilah al-Anām* karya al-Shaykh Ḥusayn bin Muḥammad al-Maḥallī. Namun, hasil analisis kajian mendapati terdapat 80 orang ulama lain yang turut menjadi sumber rujukan dalam kitab *Furū' al-Masā'il* dalam fiqh 'ibadah.

Pengkaji juga merumuskan bahawa bahasa yang digunakan dalam kitab ini adalah mudah dan terus kepada maksud yang ingin disampaikan. Sebagaimana karya klasik Melayu yang lain, pengaruh bahasa Arab sangat dominan dalam penulisan kitab ini dalam aspek struktur ayat dan kosa kata Bahasa Arab.

### **5.1.2 Menganalisis kandungan fiqh 'ibadah melalui kitab *Furū' al-Masā'il***

Pengkaji merumuskan bahawa terdapat 10 *Kitāb* dalam fiqh 'ibadah dalam kitab *Furū' al-Masā'il*. Sepuluh *Kitāb* itu terdiri daripada *Kitāb al-Ṭahārah* (Bersuci) yang mengandungi 9 *bāb* dan 175 set soal-jawab, *Kitāb al-Ṣalāh* (Solat) yang mengandungi 16 *bāb* dan 514 set soal-jawab, *Kitāb al-Janā'iz* (Jenazah) yang

mengandungi 3 *faṣl* dan 138 set soal-jawab, *Kitāb al-Zakāh* (Zakat) yang mengandungi 7 *bāb* dan 136 set soal-jawab, *Kitāb al-Ṣawm* (Puasa) yang mengandungi 1 *bāb* dan 66 set soal-jawab, *Kitāb al-I'tikāf* (Iktikaf) yang tiada *bāb* atau *faṣl* dan mengandungi 14 set soal-jawab, *Kitāb al-Ḥajj wa al-'Umrah* (Haji dan Umrah) yang mengandungi 5 *bāb*, 2 *faṣl* dan 187 set soal-jawab, *Kitāb al-Aḍḥiyah* (Korban) yang mengandungi 1 *bāb* dan 33 set soal-jawab, *Kitāb al-Aṭ'imah* (Makanan) yang tiada *bāb* atau *faṣl* dan mengandungi 19 set soal-jawab dan *Kitāb al-Ṣayd wa al-Dhabā'iḥ* (Perburuan dan Penyembelihan) yang tiada *bāb* atau *faṣl* dan mengandungi 20 set soal-jawab. Pemilihan dan penyusunan tajuk dan subtajuk dalam bahagian 'ibadah ini pula memiliki persamaan dengan kitab-kitab fiqh yang berautoriti pada zaman taklid.

Kajian juga menemukan bahawa soal-jawab dalam fiqh 'ibadah dalam kitab *Furū' al-Masā'il* dibahaskan secara menyeluruh dan terperinci. Terdapat empat elemen soal-jawab yang terkandung dalam bahagian 'ibadah ini iaitu elemen pelik dan luar biasa, sejarah, mistik dan futuristik. Hal ini menjadikan perbincangan fiqh dalam kitab *Furū' al-Masā'il* sentiasa segar dan menarik untuk tatapan para pembacanya.

### **5.1.3 Mengenal pasti kaedah penyelesaian masalah dalam fiqh 'ibadah yang diaplikasi oleh Syeikh Daud Bin 'Abdullah al-Faṭani menerusi kitab *Furū' al-Masā'il***

Kajian telah menemukan bahawa terdapat tidak kurang daripada 1,302 set soalan-jawapan dalam kitab *Furū' al-Masā'il* bahagian 'ibadah ini. Terdapat tiga kaedah umum penyelesaian masalah yang dapat dipecahkan pula kepada lima kaedah khusus. Secara keseluruhannya, kajian merumuskan Syeikh Daud memiliki ilmu

yang tinggi dan mendalam mengenai pendapat yang muktamad dalam mazhab Syafii dan pendapat yang khilaf antara ulama dalam mazhab Syafii. Walau bagaimanapun Syeikh Daud hanya mengemukakan pendapat-pendapat ulama dalam mazhab Syafii tanpa melakukan sebarang *tarjīh* terhadap pendapat berkenaan atau menunjukkan kecenderungannya terhadap pendapat tertentu.

#### **5.1.4 Menganalisis aliran pemikiran hukum Syeikh Daud Bin ‘Abdullah al-Faṭāni dalam fiqh ‘ibadah melalui kitab *Furū‘ Al-Masā’il***

Daripada analisis yang telah dibuat, pengkaji merumuskan bahawa Syeikh Daud paling kerap merujuk kepada dua orang ulama iaitu al-Shaykh al-Ramlī dan al-Shaykh Ibn Ḥajar dan karya mereka. Semua *Kitāb* yang terdapat dalam bahagian ‘ibadah paling banyak merujuk kepada mereka kecuali *Kitāb al-Ṣayd wa al-Dhabā’ih*.

Kajian turut menemukan bahawa secara keseluruhannya, Syeikh Daud paling kerap merujuk kepada al-Shaykh al-Ramlī dan al-Shaykh Ibn Ḥajar. Kedua tokoh ini menduduki tempat teratas dalam senarai rujukan dalam bahagian ‘ibadah. Seterusnya tempat kedua diduduki oleh para penulis *Hawāshī* seperti al-Shaykh al-Bujayrimī, al-Shaykh Sulaymān Jamal, al-Shaykh Ibn Qāsim, al-Shaykh al-Ziyādī dan al-Shaykh ‘Alī al-Shabrāmallisī dan tempat ketiga diduduki oleh al-Shaykh al-Islām Zakariyā al-Anṣārī.

Kajian juga mendapati bahawa bahawa aliran pemikiran hukum Syeikh Daud dalam bahagian ‘ibadah ini adalah selaras dengan aliran pemikiran hukum yang disarankan oleh para ulama mazhab Syafii *al-Muta’akhhirīn* yang telah menetapkan urutan rujukan yang sah dalam mazhab Syafii.

Oleh itu, pengkaji merumuskan bahawa aliran pemikiran hukum Syeikh Daud dalam bahagian 'ibadah adalah berdasarkan sumber yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan mempunyai kesinambungan sanad keilmuan dari satu generasi ulama kepada generasi ulama yang seterusnya. Hal ini dapat membuktikan bahawa ilmu fiqh yang disampaikan oleh Syeikh Daud melalui buku *Furū' al-Masā'il* bukan merupakan taklid buta tetapi berdasarkan sumber yang jelas dan berautoriti. Sehubungan dengan itu, tidak dapat disangkal lagi bahawa perkembangan fiqh di rantau Nusantara dari dahulu hingga kini adalah bersumberkan ilmu yang mempunyai kesahan, kebolehpercayaan dan akauntabiliti yang tinggi.

## **5.2 CADANGAN**

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan dalam bab 2, 3 dan 4, pengkaji ingin mengemukakan empat cadangan yang diharap dapat diberi perhatian dan diambil tindakan sewajarnya oleh pihak-pihak tertentu untuk membina dan mengembangkan pemikiran hukum yang sah dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Cadangan-cadangan tersebut adalah seperti berikut:

### **5.2.1 Menyunting dan menerbitkan semula karya-karya ulama silam Nusantara.**

Karya-karya ulama silam Nusantara sewajarnya disunting dengan menulisnya semula dalam bahasa Melayu kontemporari dan menggunakan metodologi penulisan yang lebih sistematik dan menarik.

Bagi memastikan hasil suntingan terhadap kitab karya ulama silam Nusantara ini mempunyai kebolehpercayaan dan keabsahan yang tinggi, satu jawatan kuasa khas yang terdiri daripada para sarjana dalam bidang pengajian Islam perlu

ditubuhkan. Institusi Pengajian Tinggi Awam seperti Universiti Malaya boleh dilantik menjadi institusi yang menguruskan usaha-usaha penyuntingan ini dengan biaya kerajaan. Hal ini untuk memastikan usaha penyuntingan ini berjalan dengan lancar dan dipantau rapi. Justeru, piawai penyuntingan yang telah digariskan akan dipatuhi. Sehubungan dengan itu, penerbitan semula kitab-kitab ulama silam akan dapat direalisasikan dengan kualiti yang tinggi.

### **5.2.2 Membina satu pangkalan data yang mendokumentasikan biodata dan karya-karya ulama silam Nusantara.**

Karya-karya ulama silam Nusantara dalam pelbagai bentuk sama ada manuskrip atau buku bercetak daripada pelbagai edisi adalah perlu dikumpul dan direkodkan.

Selain itu, biodata para ulama Nusantara silam yang telah dikaji secara menyeluruh dan terperinci turut perlu didokumentasikan. Hal ini penting untuk memastikan karya-karya ulama silam dalam pelbagai bentuknya dapat dimanfaatkan oleh generasi kini dan mendatang. Malah, fakta-fakta yang tepat mengenai biodata ulama silam Nusantara yang begitu besar jasanya kepada umat Islam masa kini dapat diakses dengan mudah.

### **5.2.3 Menambah koleksi penyelidikan ilmiah berkenaan aliran pemikiran hukum dan pemikiran hukum ulama silam Nusantara.**

Penyelidikan tentang aliran pemikiran hukum dan pemikiran hukum ulama silam Nusantara masih belum banyak dijalankan. Oleh itu, pengkaji mencadangkan kepada para sarjana yang berminat agar melakukan kajian terhadap aliran pemikiran hukum dan pemikiran hukum ulama Nusantara silam, terutama ulama Melayu yang bertaraf

antarabangsa seperti Syeikh Ahmad al-Faṭāni, Syeikh Nawawi al-Bantani dan ulama lain yang banyak menghasilkan karya asli.

#### **5.2.4 Melakukan kajian lanjutan dalam pemikiran hukum dan aliran pemikiran hukum Syeikh Daud**

Pengkaji mencadangkan agar dilakukan kajian lanjutan dalam pemikiran hukum dan aliran pemikiran hukum Syeikh Daud. Kajian berkenaan boleh dilakukan terhadap pemikiran hukum dan aliran pemikiran hukum Syeikh Daud dalam karya-karya beliau yang lain terutama karya-karya asli beliau. Selain itu, kajian juga perlu dilakukan terhadap pemikiran hukum dan aliran pemikiran hukum Syeikh Daud dalam skop yang lebih kecil seperti fiqh *al-Tahārah*, fiqh *al-Ṣalāh*, fiqh *al-Zakāh*, fiqh *al-Ṣawm*, dan fiqh *al-Hajj Wa al-‘Umrah* berdasarkan kitab *Furū‘ al-Masā’il* yang menjadi subjek kajian pengkaji atau kitab karya Syeikh Daud yang lain.

### **5.3 KESIMPULAN**

Kitab-kitab fiqh yang dihasilkan oleh ulama silam Nusantara merupakan warisan yang amat berharga. Warisan ini perlu dihormati dengan memanfaatkannya semaksimum yang mungkin dalam usaha memperkasa dan mengembangkan pemikiran hukum yang sesuai dengan realiti setempat dan semasa umat Islam di Malaysia. Semoga hasil kajian ini dapat memberi input yang berguna dalam merealisasikan gagasan fiqh Malaysia yang menjadi harapan setiap fuqaha Malaysia kontemporari.